

## Pembandaran di Pinggir Wilayah Metropolitan Lanjutan: Beberapa Implikasi terhadap Corak dan Kualiti Kejiranan

(Urbanisation at the Fringe of the Klang-Langat Extended Metropolitan Region: Some Implications on the Patterns and Quality of Neighbourhoods)

KATIMAN ROSTAM, ER AH CHOY, ZAINI SAKAWI, ABDUL RAHIM MOHD NOR,  
& AISHAH@ESAH HJ. MUHAMMAD

### ABSTRAK

*Kegiatan ekonomi bandar di kebanyakan negara membangun yang kini kian bertumpu di sekitar wilayah metropolitan telah mempengaruhi petempatan dan kejiranan di kawasan pinggirannya. Di Malaysia, proses perubahan ini dapat diperhatikan di Lembah Klang-Langat, sebuah wilayah yang meliputi petempatan desa dan bandar yang dalam makalah ini dikenali sebagai Wilayah Metropolitan Lanjutan (WML). Artikel ini bertujuan menganalisis proses rebakan bandar dan kesannya terhadap ciri dan kualiti kejiranan di zon tersebut. Data banci penduduk dan maklumat yang dikumpul melalui cerapan di lapangan dan kaji selidik, digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis mendapati bahawa pada masa ini kejiranan desa-bandar khususnya yang terletak di daerah Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor sedang mengalami transformasi fizikal dan sosioekonomi yang cukup pesat. Hal ini dapat dikesan khususnya melalui ciri persekitaran fizikal termasuk persekitaran dan kualiti rumah kediaman, serta tahap kesejahteraan seperti yang boleh diukur berdasarkan ketersampaian isi rumah kepada perkhidmatan asas dan keselamatan. Di sebalik kesan positif, proses pembandaran dan perubahan yang pesat telah turut membawa impak sosial kepada masyarakat tersebut seperti yang dapat dikesan melalui peningkatan insiden penagihan dadah dan pengangguran dalam kalangan golongan muda. Jenayah seperti kecurian, pecah rumah dan rompakan di kawasan perumahan juga sering dilaporkan. Pola perubahan ini menunjukkan bahawa keadaan fizikal dan sosial kejiranan di zon pinggir WML ini sangat dinamik serta memerlukan perhatian segera. Langkah perlu diambil dan dasar yang sesuai wajar diformulasi untuk menangani isu tersebut.*

*Kata kunci: Kejiranan, wilayah metropolitan lanjutan, transformasi dan kesejahteraan sosioekonomi*

### ABSTRACT

*The present urban-based economic activities of many developing countries tend to concentrate mainly in and around metropolitan regions that, in effect, have influenced the pattern of settlements and neighbourhoods in the rural-urban fringe of those regions. In Malaysia, the process may be observed in the Klang-Langat Valley, a region that comprises rural and urban settlements which in this article is termed as an extended metropolitan region (EMR). This article analyses the process of urbanisation and its impacts on the characteristics and neighbourhood quality of the fringe areas of the EMR. Census data together with information gathered through field observations and a questionnaire survey were used for the analysis. Results of the analysis show that rural-urban neighbourhoods in the district of Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor and Hulu Selangor are currently undergoing rapid urbanisation and socioeconomic transformation. These changes are observable from their physical surroundings and the socioeconomic well-being of the inhabitants as measured from their housing quality, levels of accessibility to basic service facilities and security. Despite all these positive impacts, urbanisation has also brought some social ills to the communities as indicated by the increasing incidences of unemployment and drug addiction among the youth. Crimes such as theft, burglary and robberies in the housing areas are also widely reported. These patterns of change tend to indicate that the fringe zones of the EMR are physically and socially dynamic and call for some form of immediate actions and policy measures to address the issues.*

*Keywords: neighbourhood, extended metropolitan region, transformation and socioeconomic well-being*

## PENGENALAN

Pembandaran dan peluasan bandar telah membentuk dan menggubah pola petempatan dan kejriran di kawasan pinggir wilayah metropolitan lanjutan (WML) di kebanyakan negara membangun seperti Malaysia. Perubahan ini berlaku melalui proses peluasan kawasan bandar ke zon pinggir wilayah metropolitan yang sering dikenali juga sebagai proses rebakan bandar. Permintaan terhadap ruang bagi pembangunan kawasan perindustrian, rumah kediaman dan pusat perniagaan sangat tinggi telah mengasak kawasan luar bandar di pinggir WML untuk berubah menjadi bandar (Duncan et al. 2006) dan akhirnya menjadi bahagian yang integral kepada wilayah metropolitan berkenaan (Barnes et al. 2001). Kejriran di zon peralihan pinggir WML ini cenderung untuk mempunyai ciri dan pola yang tersendiri serta berbeza dengan keadaan yang terdapat sama ada di zon dalaman bandar ataupun di zon luaran yang sepenuhnya masih luar bandar. Hal ini sangat menarik untuk diselidiki.

Artikel ini bertujuan untuk mengulas proses rebakan bandar dan kesannya terhadap corak kejriran di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat. Corak kejriran meliputi ciri rumah kediaman, persekitaran fizikal, kemudahan asas yang disediakan, status sosioekonomi penghuninya, tahap kesejahteraan sosial keadaan keselamatan, kecemaran kawasan, ketersampaian kepada perkhidmatan dan pola interaksi sosial kejriran di kawasan tersebut.

## METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Pembandaran yang pesat telah meluaskan kawasan perbandaran dan seterusnya merubah pola kejriran terutamanya di zon pinggir WML. Perubahan ini sebahagiannya dapat diperhatikan daripada ciri persekitaran fizikal, rumah kediaman serta ruang sosial kejrirannya. Keadaan persekitaran, ciri rumah kediaman, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan mempunyai hubungan yang rapat dengan kualiti sesebuah kejriran. Bagi memeriksa ciri dan kualiti kejriran, kajian melalui pemerhatian langsung dan kaji selidik, selain pengumpulan data sekunder, dilakukan di kawasan terpilih zon pinggir WML Lembah Klang-Langat. Zon pinggir WML ini adalah kawasan yang terletak di luar wilayah metropolitan Lembah Klang-Langat.

Secara umumnya, WML Lembah Klang-Langat dapat dibahagikan kepada beberapa zon. Lee Boon Thong (1996) dan Jones et al. (2000) telah membahagikan wilayah tersebut kepada tiga zon iaitu zon teras, zon dalaman dan zon pinggir. Zon teras dirujuk kepada kawasan pentadbiran bandar raya metropolitan Kuala Lumpur. Manakala zon dalaman meliputi semua kawasan sekitar di luar zon teras termasuk bandar gabungan dan kawasan tepu bina serta kawasan gabungannya yang berdekatan. Zon pinggir metropolitan pula adalah

petempatan yang terletak di luar kawasan tepu bina zon dalaman. Zon peralihan ini terletak di luar wilayah metropolitan. Kajian ini menumpukan perhatian kepada petempatan dan kejriran di zon luar tersebut. Bagi mengesan proses rebakan bandar, data daripada Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 1991 dan 2000 diguna pakai.

Bagi memeriksa ciri dan corak kejriran, kajian melalui pemerhatian dan catatan langsung dilakukan bagi mengumpul maklumat tentang keadaan rumah, kemudahan yang disediakan serta keadaan persekitaran fizikal di sekitar kejriran yang terpilih. Kaji selidik turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat status sosioekonomi dan pola interaksi sosial di kalangan isi rumah di kawasan berkenaan. Bagi tujuan tersebut kira-kira 500 responden (1.0 peratus) daripada anggaran 49,500 ketua isi rumah (KIR) yang tinggal di 11 mukim terpilih di empat daerah terletak di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat telah dikaji selidik. Responden dan rumah kediaman bagi setiap kejriran yang dijadikan sampel kajian, dipilih secara sistematik mengikut selang kira-kira 12 buah rumah bagi setiap sampel. Responden terdiri dari kalangan ketua isi rumah yang bermastautin di kampung atau bandar kecil yang dipilih secara khusus bagi mewakili petempatan dan kejriran di zon tersebut. Saiz sampel pula distratakan mengikut anggaran bilangan isi rumah petempatan berkenaan. Petempatan yang dipilih meliputi kampung dan bandar kecil di mukim Kelanang, Morib dan Telok Panglima Garang di daerah Kuala Langat (32.2 peratus); mukim Dengkil dan Labu di Daerah Sepang (15.6 peratus); mukim Ijok, Jeram dan Kuala Selangor di daerah Kuala Selangor (20.0 peratus); mukim Ulu Yam, Batang Kali dan Rasa di daerah Hulu Selangor (32.2 peratus).

Pada umumnya, semua kejriran yang dipilih adalah petempatan kampung tradisional, kampung tersusun, kampung baru dan pekan kecil yang memenuhi kriteria dari segi letakan, ciri fizikal, ekonomi dan sosial di zon luaran WML Lembah Klang-Langat yang sedang mengalami perubahan khususnya dari segi pemodenan dan pembandaran. Petempatan tersebut dihubungkan dengan sistem pengangkutan yang baik ke bandar raya Kuala Lumpur dan bandar besar lainnya. Rumah kediaman dan persekitaran fizikal petempatan tersebut kebanyakannya berada pada tahap peralihan ke arah pemodenan. Begitu juga penghuninya.

## PEMBANDARAN DAN KEJRIRAN

Transformasi desa-bandar di pinggir wilayah metropolitan adalah sebahagian daripada proses pembandaran dan perkembangan bandar. Di negara membangun seperti Malaysia, proses ini berlaku dengan pesat terutamanya di sekitar wilayah metropolitan seperti Lembah Klang-Langat. Proses pembandaran dan rebakan bandar yang pesat boleh mempengaruhi ciri dan pola kejriran di

kawasan desa-bandar tersebut. Kejiranan di pinggir wilayah metropolitan cenderung untuk mempamerkan ciri-ciri yang unik kerana kedudukannya di zon transisi desa-bandar. Keunikan ini dapat diperhatikan misalnya melalui ciri etnik penduduk, landskap fizikal dan budaya petempatan, corak dan kualiti rumah kediaman serta pola interaksi sosial isi rumahnya. Hubungan antara proses pembandaran dan pola kejiranan yang rapat memerlukan kita melihat lebih dalam lagi kedua-dua konsep tersebut.

Pertumbuhan penduduk yang pesat ini berlaku akibat pertambahan semula jadi penduduk bandar dan migrasi dari luar kawasan. Proses pembandaran dan tekanan pasaran yang memerlukan ruang bagi memenuhi permintaan penduduk yang kian bertambah terhadap rumah kediaman, pusat penyediaan perkhidmatan, pembangunan institusi awam, pentadbiran dan industri menyebabkan kawasan tepu bina bandar mengasak kawasan luar bandar di sekitarnya. Garis sempadan kawasan yang mengalami proses rebakan bandar yang pesat ini lazimnya terletak jauh ke hadapan di luar sempadan pentadbiran bandar sebenar. Perkembangan guna tanah lazimnya kurang terancang kerana kawalan pemecahan sempadan tanah dan penggunaan tanah belum cukup sistematik dan berkesan. Ini kerana zon ini merupakan kawasan peralihan. Jadi guna tanahnya berkembang secara melompat-lompat, iaitu guna tanah separa bandar diselang-seli dengan enklaf guna tanah pertanian atau kawasan terbiar. Kawasan ini lazimnya mudah dikenali kerana keadaan landskap fizikal dan sosialnya yang unik (Karanja & Lohmann 2002). Bentuk guna tanah berpetak-petak, berselerak dan lazimnya tidak berlanjutan.

Proses rebakan bandar sering dikaitkan dengan tekanan politik, pelaburan dan amalan pemberian subsidi dalam pentadbiran awam bagi membangunkan infrastruktur; juga akibat pertumbuhan penduduk dan peningkatan kadar migrasi keluar dari zon tengah bandar ke pinggir (Pendall 1999). Oleh kerana sifatnya yang agak sukar dirancang maka ramai sarjana yang beranggapan bahawa rebakan bandar wajar dikurangkan kerana proses tersebut boleh menimbulkan impak negatif terhadap kerosakan sumber alam juga persekitaran fizikal termasuk pencemaran udara, air dan hakisan di samping pelbagai gejala sosial seperti kekurangan kemudahan komuniti dan pengangguran (Mitchell 2001; Barnes et al. 2001). Namun begitu, kawasan pinggir bandar yang mengalami proses rebakan bandar ini sebenarnya penting dalam mengurangkan tekanan zon tengah bandar, terutamanya dalam memenuhi keperluan rumah kediaman.

McGee (1991) dalam tulisannya di Indonesia suatu ketika dahulu menghuraikan ciri unik petempatan di pinggir WML Jakarta yang sedang mengalami proses rebakan. Beliau merujuk proses pembandaran di pinggir wilayah tersebut sebagai proses *kotadesasi* iaitu pembandaran tanpa menyebabkan migrasi secara besar-besaran. Zon peri-bandar dalam WML ini adalah

kawasan transisi yang menjadi fokus pelbagai interaksi ekonomi wilayah berkenaan. Pada umumnya, zon ini mempamerkan enam ciri utama iaitu: kepadatan penduduk yang relatif tinggi dengan majoriti isi rumah masih cergas terlibat dengan aktiviti primer khususnya pertanian, pertambahan yang pesat pekerja sektor bukan primer, tahap penyediaan infrastruktur yang baik, terdapat bekalan sumber manusia yang banyak dan murah, persekitaran dan mobiliti barangan dan pekerja yang kondusif serta tersepadu bagi tujuan pelaburan, dan wujudnya tanggapan *kelabu* di kalangan pemerintah terhadap zon ini sehingga menyebabkan kurangnya perhatian yang diberikan.

Rebakan bandar turut mencorakkan ciri kejiranan di zon peralihan tersebut. Ciri kejiranan kawasan transisi desa-bandar ini cenderung untuk berbeza dengan kejiranan di kawasan tengah bandar mahu pun kawasan luar bandar. Konsep kejiranan sendiri sebenarnya boleh ditakrif dari pelbagai sudut. Yannis (2002) misalnya mendefinisikan sebuah kejiranan sebagai seunit rumah kediaman berserta dengan 10 rumah dan isi rumah jirannya yang terhampir. Interaksi sosial penting dalam mempengaruhi kualiti sesebuah kejiranan. Definisi yang lebih luas tentang kejiranan diberikan oleh Pacione (2001). Menurut beliau, kejiranan adalah satu unit analisis bagi sebuah kawasan yang kecil dalam persekitaran fizikal dan sosial sesebuah petempatan, khususnya bandar. Kawasan tersebut meliputi semua perkara yang terdapat di sekitar sesebuah rumah kediaman yang didiami oleh isi rumah. Ini termasuklah rumah kediaman jiran yang terdapat di sekeliling rumah berkenaan serta masyarakatnya yang cenderung untuk mempamerkan persamaan etnik, sosiobudaya, agama, norma dan nilai yang homogen. Persamaan tersebut menggambarkan tentang organisasi dan kesatuan penghuninya. Konsep ini sering dijadikan asas oleh pihak berkuasa tempatan mahu pun badan yang bertanggungjawab tentang perancangan bandar dalam membangunkan sesebuah petempatan. Sebuah kejiranan, dalam konteks masyarakat bandar, juga adalah unit terkecil bagi sebuah petempatan yang mempunyai kemudahan tersendiri dalam memenuhi keperluan asas masyarakat seperti pusat penjualan barang makanan dan keperluan harian yang lain, perkhidmatan kesihatan, sekolah rendah dan kemudahan asas lainnya yang dapat dikunjungi secara berjalan kaki.

Pada masa lalu analisis kejiranan bandar dibuat berdasarkan penunjuk sosial dan ekonomi seperti status sosial dan ekonomi termasuk jenis rumah, pekerjaan isi rumah, etnik dan nilai tanah (Burgess 1925; Hoyt 1964; Haris & Ulman 1945; Shevkey & Williams 1949). Model guna tanah klasik tersebut sejak sekian lama mendominasi perbincangan tentang perubahan guna tanah dari perspektif sosial dan ekonomi bandar. Kebelakangan ini, Biro Banci Perumahan Amerika Syarikat (2005) cuba menggunakan pelbagai penunjuk terpilih untuk mengukur kualiti kejiranan bandar di negara tersebut. Antara kriteria yang digunakan termasuklah

kehegangan lalulintas, insiden jenayah, pencemaran bau dan sampah, kemudahan pelupusan sampah, tahap keselamatan, pelbagai laluan akses, kehadiran komuniti warga tua, pelbagai kemudahan sosial dan kemudahan pengangkutan. Varuna de Silva (2002) dalam kajiannya di Sri Lanka pula mendapati bahawa dua elemen yang menyebabkan sesebuah kejiranan dapat bertahan lama dalam mengekalkan kesejahteraan penghuninya adalah elemen psikologi dan elemen psikologi. Elemen psikologi yang sangat berpengaruh adalah perlindungan, bebas daripada gangguan jenayah dan persekitaran yang menarik. Sementara elemen psikologi pula terdiri daripada interaksi sosial yang tinggi, kehidupan keluarga dan komuniti yang sejahtera.

Selain itu, kesejahteraan sesebuah kejiranan juga dipengaruhi oleh tahap keselamatan dan jaringan sosial. Warr (2005) mendapati dalam komuniti yang kurang mendapat perhatian pemerintah, jaringan dan akses kepada modal dan keselamatan sosial sangat penting dalam menentukan ketahanan hidup seseorang individu. Moore (2008) pula memaparkan bahawa dalam kalangan masyarakat maju tindakan pemantauan kejiranan dan hukuman terhadap jenayah setempat menjadi semakin lumrah digunakan sebagai langkah pencegahan. Ini kerana aspek keselamatan merupakan asas bagi mewujudkan kejiranan yang sejahtera.

Satu lagi elemen kesejahteraan yang perlu wujud dalam sesebuah kejiranan ialah akses kepada perkhidmatan. Sharkey et al. (2009) menunjukkan wujudnya hubungan antara keperluan masyarakat dengan ketersampaian terhadap perkhidmatan asas juga bukan asas termasuk kedai menjual makanan dan makanan segera. Masyarakat yang sejahtera adalah yang keperluan asas dan bukan asasnya dapat dipenuhi secara mudah. Sementara itu, Galster dan Jahrbuch (2008) pula mendedahkan tentang kesan corak kejiranan terhadap cabaran yang dihadapi oleh seseorang individu dalam sesebuah komuniti. Masyarakat dan kejiranan yang longgar cenderung untuk mendorong lebih banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh individu terutamanya dalam hal-hal keselamatan sosial.

Pada dasarnya, ciri sosioekonomi yang digunakan oleh para pengkaji adalah berkaitan dengan kualiti hidup dan kesejahteraan sosial masyarakat di pinggir WML. Schwab (2008) mencadangkan untuk mengatasi kekurangan elemen kesejahteraan dalam sesebuah kejiranan, perancangan kejiranan bandar pada masa akan datang perlu bersifat lebih komprehensif dan tidak hanya bertumpu kepada aspek kesejahteraan fizikal tetapi juga aspek keselamatan dan kerohanian.

Di negara membangun seperti Malaysia, selain kualiti fizikal rumah kediaman khususnya persekitaran dalamannya seperti yang dijelaskan oleh Rozana Zakaria (2007), kesejahteraan sosial mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai setempat dan amalan keagamaan masyarakat sama ada berpegang teguh dan beramal

dengan ajaran agama atau sebaliknya. Masyarakat yang berpegang teguh dan beramal dengan ajaran agama, khususnya agama Islam, cenderung untuk mempunyai kualiti kejiranan yang tinggi. Amalan beragama dapat membantu mengawal keberleluasaan gejala sosial dan jenayah. Dalam kajian yang lain di Malaysia, Abdul Ghani Salleh (2008) menunjukkan bahawa selain ciri rumah kediaman, keadaan persekitaran, penyediaan perkhidmatan, kemudahan pengangkutan dan keadaan sosial, didapati mempunyai hubungan yang rapat dengan kualiti sesebuah kejiranan. Ini menunjukkan bahawa ciri dan kualiti kejiranan adalah elemen yang penting dalam mempengaruhi imej, status dan seterusnya nilai pasaran hartanah sesebuah kejiranan. Oleh itu, perancangan sesebuah kawasan petempatan dan kejirannya perlu mengambil kira perkara tersebut.

#### PERKEMBANGAN BANDAR RAYA METROPOLITAN DAN REBAKAN BANDAR DI PINGGIRAN WML LEMBAH KLANG-LANGAT

Metropolis Kuala Lumpur dan bandar lain di sekitarnya khususnya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang, Selangor, Ampang Jaya dan Kajang, secara bergabung membentuk sebuah konurbasi perbandaran dan dalam makalah ini digelar Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat (Jadual 1). Wilayah yang berdaya saing ini sedang mengalami perkembangan yang pesat (Katiman Rostam 2006). Bunnell et al. (2002) melakarkan bagaimana perkembangan teknologi maklumat, pengangkutan dan rumah kediaman telah mencorakkan Kuala Lumpur dan sekitarnya sebagai sebuah bandar yang sedang mengalami proses globalisasi. Limpahan pembangunannya melepasi sempadan wilayah metropolitan tersebut hingga ke zon peralihan desa-bandar di sekitarnya. Wilayah metropolitan tersebut dan zon transisi di pinggirnya, dalam makalah ini digelar Wilayah Metropolitan Lanjutan (WML) Lembah Klang-Langat. Penumpuan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan di wilayah ini telah menggalakkan perbandaran yang pesat. Fungsi perkhidmatan moden, khususnya perkhidmatan pengeluar seperti pendidikan, guaman, perhotelan, kewangan, pengkomputeran, insurans, penyelidikan, perbankan dan agensi perkhidmatan profesional lain yang penting dalam proses pembuatan turut mengalami perkembangan yang pesat. Pembangunan projek mega seperti Menara Berkembar Petronas, Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya, Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur turut meningkatkan citra dan menyokong aktiviti perkhidmatan moden. Ini meningkatkan daya saing Kuala Lumpur dan WML tersebut (Morshidi Sirat & Suriati Ghazali 1999).

JADUAL 1. Pertumbuhan Penduduk Bandar Utama di Lembah Klang-Langat, 1991-2010

Bandar	Penduduk Bandar 1991 (,000)			Penduduk Bandar 2000 (,000)			Jumlah Penduduk 2010*	Pertumbuhan tahunan (%)	
	Bandar sebenar	Tepu- bina	Jumlah	Bandar sebenar	Tepu- bina	Jumlah		1991- 00	2000- 10*
Kuala Lumpur	1,145.3	-	1,145.3	1,297.5	-	1,297.5	1,449.3	1.3	1.2
Klang	243.4	125.0	368.4	317.5	314.1	631.7	972.8	6.0	5.3
Petaling Jaya	254.3	96.6	351.0	220.7	217.4	438.1	536.7	2.5	2.2
Subang Jaya	53.8	25.2	79.0	255.5	167.8	423.3	800.5	18.7	8.0
Ampang Jaya	132.4	158.0	290.5	159.8	319.1	478.6	715.5	5.5	6.5
Shah Alam	119.6	38.9	158.4	166.6	153.0	319.6	544.0	7.8	6.2
Selayang	124.2	10.0	134.2	164.8	22.9	187.7	250.2	3.7	4.3
Kajang	46.3	54.2	100.5	86.1	121.3	207.3	358.4	8.1	7.5

Sumber: 1. Malaysia. 2001. Population and Housing Census of Malaysia 2000. Preliminary Count Report for Urban Rural Areas. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

2. Malaysia 2001. Population and Housing Census of Malaysia 2000. Population Distribution by Local Authority Areas and Mukims. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

\*anggaran

Perubahan fungsi dan landskap Metropolis Kuala Lumpur mempunyai kesan tidak langsung terhadap pertumbuhan penduduknya. Kadar pertumbuhan tahunan penduduk bandar raya tersebut telah merosot daripada 2.0 peratus bagi tempoh 1980-1991 kepada 1.3 peratus bagi tempoh 1991-2000. Kemosrotan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh migrasi keluar penduduk kawasan teras ini ke zon pinggir metropolitan. Misalnya bagi tempoh 1995-2000, kira-kira 31 peratus migran yang masuk ke daerah Sepang dan Hulu Langat berasal dari Lembah Klang, khususnya Kuala Lumpur (Katiman Rostam 2005). Migrasi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan penduduk yang pesat bandar-bandar kecil dan kawasan desa-bandar di zon pinggir wilayah metropolitan. Bandar-bandar kecil seperti Banting, Kuala Selangor, Kuala Kubu Baru, Rawang, Salak Tinggi, Nilai dan Semenyih berserta kawasan desa-bandar seperti Hulu Yam, Dengkil, Jenjarum, Batu 14 Hulu Langat, Beranang, Sungai Pelek, Serendah, Sepang, Batang Berjuntai dan Rasa, telah mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat. Bagi tempoh 1991-2000 kadar pertumbuhan tahunan penduduk bandar-bandar kecil tersebut rata-rata melebihi 6.0 peratus (Jadual 2). Kadar ini jauh mengatasi kadar pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur bagi tempoh yang sama.

Perkembangan bandar kecil di sekitar bandar raya metropolitan merupakan sebahagian daripada proses rebakan bandar. Proses ini adalah permulaan bagi pembentukan konurbasi bandar dan seterusnya bandar raya mega. Bagaimanapun, oleh kerana perubahan yang berlaku di kebanyakan negara membangun tidak terancang maka rebakan ini banyak dicirikan oleh perkembangan petempatan desa-bandar. Oleh kerana perkembangan guna tanah dan petempatan kurang terkawal dalam banyak hal, wilayah ini kelihatan agak mundur, daripada segi politiknya *kabur* dan kurang

terurus. Wilayah pinggiran ini menggabungkan guna tanah desa dan bandar tanpa ada batasan sempadan atau dikotomi desa-bandar yang jelas.

Pada masa ini, beberapa konurbasi bandar di Asia Tenggara termasuk Jakarta, Manila, Bangkok, Medan dan Kuala Lumpur yang menggabungkan bandar raya metropolitan, bandar besar dan petempatan desa-kota di pinggiran, dikenali dengan gelaran WML (Extended Metropolitan Region – EMR, McGee 1991, 1995; Macleod & McGee 1996; Jones 2002). Di Malaysia, konurbasi Kuala Lumpur dan bandar besar lain termasuk Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Shah Alam, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang juga bandar-bandar kecil serta kawasan desa di sekitarnya membentuk Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat. WML adalah tahap awal pembentukan wilayah bandar raya mega. Zon pinggiran WML juga merupakan kawasan peri-bandar yang sangat dinamik. Zon transisi yang juga kawasan yang sedang mengalami rebakan bandar berubah daripada satu fasa ke satu fasa pembandaran dan pemodenan khususnya guna tanah, rumah kediaman, kemudahan sosial dan infrastruktur. Malah pola kejiranan di kawasan tersebut juga turut mengalami perubahan. Penduduk kawasan ini juga dinamik kerana menerima kemasukan migran yang banyak, termasuk penduduk yang berpindah dari zon teras bandar. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, kawasan peri-bandar ini adalah zon luaran WML.

Perubahan letakan aktiviti industri pembuatan dari bandar raya metropolitan di Lembah Klang ke zon pinggir WML diikuti oleh pembinaan rumah kediaman dan kemudahan yang lainnya sama ada secara terancang atau tidak terancang. Zon transisi ini adalah kawasan interaksi ekonomi yang aktif. Isi rumah zon pinggir WML ini adalah pembekal tenaga kerja yang relatif murah bagi pelbagai aktiviti ekonomi sama ada di pusat metropolitan atau kawasan pinggirannya. Bagaimanapun, tidak ramai

JADUAL 2. Pertumbuhan Penduduk Bandar Kecil di Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat 1991-2010

Bandar kecil	Penduduk			Kadar pertumbuhan (%)	
	1991	2000	2010	1991-00	2000-10
Banting*	25,796	48,240	78,048	6.95	4.9
Kuala Selangor*	16,283	33,816	57,873	8.12	5.4
Bukit Beruntung	-	19,322	20,200	-	0.5
Jenjarum	11,614	18,245	26,455	5.01	3.7
Kuala Kubu Baru	11,972	17,763	24,637	4.39	3.2
Bandar Baru Salak Tinggi	2,191	13,048	22,442	19.82	8.0
Tanjung Sepat	6,944	10,066	13,756	4.13	3.1
Tanjung Karang	7,749	8,726	9,747	1.32	1.2
Hulu Yan Baru	4,023	7,884	11,134	7.48	5.2
Rasa	4,492	7,704	11,864	6.02	5.8
Serendah	3,558	7,568	11,221	8.39	6.2
Batang Berjuntai	4,231	7,562	11,918	6.45	4.6
Dengkil	3,800	6,849	10,732	6.32	4.5
Hulu Bernam	5,159	6,770	8,597	3.02	2.3
Telok Panglima Garang	4,557	6,554	11,913	4.03	5.9
Sungai Pelek	4,816	6,445	8,359	3.26	2.6
Putrajaya	-	5,268	13,301	-	5.3
Kalumpang	4,132	5,064	5,975	2.04	1.7
Sungai Manggis	4,595	4,688	4,772	0.22	0.2
Sepang	1,994	4,504	8,152	9.05	5.9
Ijok	4,265	4,159	4,043	-0.27	-0.2
Batang Kali	3,545	3,858	4,205	0.94	0.9
Telok Datok	2,711	3,379	4,108	2.44	2.0
Kuala Sungai Buluh	3,049	3,170	3,312	0.42	0.5
Sungai Choh	1,806	5,139	8,839	11.62	7.0
Kerling	2,810	2,717	2,018	-0.37	-0.3
Hulu Yam Lama	1,948	2,400	2,896	2.32	1.8
Kampung Kuantan	1,496	1,744	2,010	1.71	1.4
Pasir Penambang	1,814	1,635	1,538	-1.15	-0.6
Cyberjaya	-	1,491	5,830	-	7.4
Jeram	1,066	1,100	1,130	0.35	0.3

\* Termasuk kawasan tepu-bina (built-up areas).

Sumber: Diolah berdasarkan data Population and Housing Census of Malaysia 2000: Preliminary Count Report for Urban and Rural Areas.

Putrajaya: Department of Statistics Malaysia

penduduk di sini yang terlibat dengan sektor primer malah aktiviti pertanian semakin berkurangan akibat penjualan ladang-ladang yang dahulunya dimiliki oleh syarikat asing kepada korporat dan pemaju hartanah. Banyak tanah pertanian ladang telah dimajukan menjadi kawasan perumahan dan bandar baru.

Zon pinggir WML Lembah Klang-Langat terletak kurang 30 kilometer dari pusat metropolis Kuala Lumpur. Petempatan di zon ini terdiri dari pekan dan bandar kecil yang diselang-seli dengan petempatan desa dengan perumahan yang tidak terancang. Bagaimana pun, oleh kerana kawasan tersebut disediakan dengan pelbagai kemudahan asas seperti air bersih, tenaga elektrik, telefon, serta perkhidmatan sosial selain dihubungkan dengan lebuhraya atau jalan raya yang baik dengan bandar raya metropolis, kehidupan penduduk di zon ini tidak banyak berbeza dengan keadaan kehidupan di bandar. Lazimnya isi rumah yang tinggal di zon ini akan berulang-alik sama ada berkenderaan sendiri atau dengan bas ke kota atau kawasan luar hingga sejauh 50 kilometer untuk bekerja dalam sektor bukan pertanian, khususnya

di kilang, pusat komersial atau pejabat pentadbiran awam dan swasta. Isi rumah di sini menikmati kemudahan hidup sebaik yang terdapat di bandar dalam persekitaran desa-bandar, dengan kos yang lebih murah. Lazimnya sewa rumah bulanan di zon ini jauh lebih rendah (RM250.00 – RM350.00 bagi rumah yang mempunyai dua atau tiga bilik tidur) berbanding dengan sewa rumah di zon teras bandar atau pusat (RM800.00 - RM1,500.00 sebulan bagi sebuah rumah yang mempunyai dua atau tiga bilik tidur). Perbezaan yang mungkin wujud hanyalah pada kualiti binaan rumah sewa tersebut, kualiti rumah di zon peri-bandar lazimnya lebih rendah. Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa zon pinggir WML mempunyai ciri yang tersendiri dalam proses pembandaran Lembah Klang-Langat. Di sebalik kedudukannya di pinggir metropolis, proses rebakan bandar telah mengubah petempatan di kawasan transisi ini menjadi separa bandar. Perubahan yang pesat dapat diperhatikan pada guna tanah, fungsi bandar, rumah kediaman, pekerjaan isi rumah dan kejiirannya. Perkembangan aktiviti pembuatan dan pertumbuhan penduduk di kawasan teras mulai perlahan

kerana kekurangan kawasan. Zon pinggiran menjadi alternatif kepada para pelabur dan penduduk.

### IMPAK TERHADAP KEJIRANAN

Proses rebakan bandar di pinggir WML mempunyai impak terhadap ciri dan corak kejiranan di zon transisi tersebut. Sesebuah kejiranan mengandungi komponen fizikal dan sosial. Komponen fizikal meliputi landskap fizikal yang asli seperti bentuk muka bumi dan tumbuh-tumbuhan; dan landskap budaya termasuk rumah kediaman juga kemudahan sosial serta infrastruktur. Komponen sosial termasuklah isi rumah sebagai penghuni, tahap kesejahteraan dan keselamatannya. Ciri kejiranan di zon ini boleh dianggap unik berbeza dengan keadaan kejiranan yang terdapat di zon teras bandar dan kawasan luar bandar.

#### CIRI ISI RUMAH DAN PETEMPATAN

Daripada keseluruhan isi rumah yang dikaji, 81.6 peratus adalah bumiputera dan selebihnya bukan bumiputera. Majoriti isi rumah (77.4%) bekerja di luar sektor pertanian khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Majoriti isi rumah (80%) berpendapatan bulanan melebihi RM1,000 dan lebih separuh daripada mereka ini berpendapatan bulanan melebihi RM1,500. Hanya sebahagian kecil (22.6%) sahaja isi rumah yang tinggal di zon ini terlibat dengan aktiviti pertanian. Ini dapat difahami kerana banyak kawasan pertanian ladang dan kebun kecil telah berubah menjadi kawasan perumahan dan komersial. **Pembukaan kawasan perindustrian di kawasan luar bandar sama ada oleh agensi swasta atau awam telah memesatkan proses perindustrian desa.** Proses ini menyebabkan perubahan pekerjaan dan ciri sosioekonomi isi rumah yang lain.

Petempatan di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat juga sedang mengalami transformasi yang pesat. Proses pembandaran desa sedang merebak dengan pantas ke zon ini. Banyak pekan kecil dan bandar baru seperti Sungai Pelek, Dengkil, Cyberjaya dan Salak Tinggi di daerah Sepang; Banting, Jenjarum dan Telok Panglima Garang di daerah Kuala Langat; Kuala Kubu Baru, Rasa, Ijok dan Hulu Yam Baru di daerah Hulu Selangor; Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sungai Buluh di daerah Kuala Selangor, tumbuh dan berkembang menjadi bandar. Malah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Daerah Sepang telah dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Sepang. Ini menandakan proses rebakan bandar ke luar dari zon teras sedang berlaku. Dalam kajian ini hanya kira-kira 38.4 peratus tinggal di kawasan PBT.

#### PERSEKITARAN KAWASAN KEDIAMAN

Rebakan metropolis Kuala Lumpur dan bandar besar lain di Lembah Klang-Langat khususnya Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Kajang, Selayang dan Ampang Jaya ke pinggir telah mengubah fungsi dan persekitaran fizikal petempatan di sekitarnya. Banyak petempatan luar bandar di pinggir wilayah metropolitan tersebut telah berubah menjadi bandar kecil. Persekitaran fizikal kawasan kediaman juga telah mengalami pemodenan. Sebahagian besar persekitaran rumah kediaman bersih dan menarik. Berdasarkan cerapan dan penilaian terhadap keadaan persekitaran rumah kediaman di lapangan, 44.6 peratus didapati berstatus bersih dan menarik, 51.8 peratus yang lain sederhana bersih dan agak menarik. Hanya 3.6 peratus persekitaran rumah yang agak kotor dan kurang menarik. Ini menunjukkan keadaan persekitaran kian bersih dan menarik melalui proses pemodenan dan pembandaran akibat rebakan bandar yang sedang berlaku. Isi rumah di zon ini tidak lagi menanam tanaman di kawasan sekitar rumah kediaman sebagai sumber makanan tambahan seperti ubi kayu, keledek, pisang, kelapa dan buah-buahan; atau memelihara haiwan seperti kambing, lembu dan ayam sebagai sumber protein dan pendapatan tambahan keluarga seperti yang diamalkan oleh masyarakat pada masa lalu. Sebaliknya, tanaman hiasan seperti bunga-bunga, pinang dan pokok renek ditanam sebagai penehud dan perhiasan. Malah haiwan ternakan seperti ikan dipelihara untuk tujuan hobi dan hiasan. Ini menunjukkan bahawa proses pemodenan telah merubah habitat kawasan tersebut. Dari segi kebersihan pula, 59.4 peratus isi rumah menyatakan bahawa kawasan kediaman mereka disediakan dengan kemudahan kutipan sampah rumah tangga. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar (82.8%) isi rumah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PBT, manakala selebihnya menggunakan perkhidmatan kutipan sampah yang disediakan oleh pihak swasta. Bagaimanapun, terdapat 40.6 peratus isi rumah, terutamanya kampung separa tradisional, masih belum mempunyai kemudahan perkhidmatan mengutip sampah rumahtangga. Mereka lazimnya menggunakan kaedah pembakaran terbuka atau menimbus dalam lubang yang digali.

#### KUALITI RUMAH KEDIAMAN

Rumah kediaman yang terdapat di zon pinggiran WML terdiri daripada pelbagai jenis. Walaupun kebanyakan (58.0%) rumah yang dikaji terdiri daripada rumah kampung sesebuah yang berasingan namun terdapat juga rumah jenis teres (35.4%), rumah berkembar (1.2%) dan rumah banglo (1.2%). Rumah kampung yang lazimnya dibina di atas tapak yang luas yang juga merupakan kawasan pertanian terdapat di kawasan desa. Sebaliknya rumah jenis teres, berkembar dan banglo adalah jenis rumah yang lazimnya terdapat di kawasan bandar. Rumah jenis teres, berkembar dan banglo banyak dibina

di kawasan ini sejak dekad kebelakangan. Ini berlaku sebahagiannya kerana adanya projek perumahan baru dan perpindahan penduduk masuk dari luar kawasan.

Dari segi pemilikan, majoriti isi rumah (78%) memiliki rumah kediaman mereka sendiri. Hanya sebahagian kecil sahaja yang menyewa atau menumpang. Hal ini membuktikan bahawa rata-rata isi rumah yang tinggal di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat tidak menghadapi masalah tempat kediaman. Ini kerana kos untuk membina rumah kediaman jenis kampung sesebuah di zon ini lebih murah. Begitu juga harga rumah teres yang boleh dibeli atau disewa pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga di zon dalaman wilayah metropolitan sendiri.

Kebanyakan rumah kediaman di kawasan pinggir WML ini terdiri daripada jenis rumah kampung. Rumah kampung lazimnya dibina tanpa memerlukan kebenaran sah daripada pihak PBT kerana kebanyakan kawasan tersebut terletak di luar zon perkhidmatan dan penyelenggaraan mahu pun perancangan. Jadi ramai pemilik tanah membina rumah kediaman secara tidak formal di atas tanah pertanian mereka. Dalam keadaan biasa, hanya sebuah rumah dibenarkan dibina di atas sekar (0.4 hektar) tanah pertanian. Harga tapak yang masih rendah, kualiti bahan binaan yang sederhana, kelengkapan kemudahan yang sederhana dan penawaran unit rumah kediaman yang agak banyak, menyebabkan harga hartanah lebih rendah berbanding harga di zon teras wilayah metropolitan. Ini menjadi daya tarikan yang kuat kepada penduduk yang ingin mencari hartanah kediaman di kawasan tersebut.

Bagi menilai kualiti rumah kediaman di kejiranan pinggir metropolitan ini suatu indeks khas yang mudah digunakan sebagai asas. Indeks ini menggunakan kriteria fizikal terpilih rumah kediaman. Kriteria tersebut meliputi letakan, jenis rumah sama ada rumah kampung, teres setingkat, teres dua tingkat, berkembar atau banglo; struktur dan bahan binaan bangunan sama ada konkrit, kayu atau campuran konkrit dan kayu; jenis atap sama ada genting, asbestos atau zink; bilangan bilik tidur sama ada melebihi tiga, dua, satu atau tiada bilik tidur; jenis tandas yang digunakan sama ada tandas pam, tandas curah, tandas lubang dalam tanah/sungai atau tiada tandas; jenis dapur memasak yang digunakan sama ada gabungan dapur gas dan elektrik, dapur gas sahaja, dapur minyak tanah atau dapur kayu/arang; jenis kemudahan asas yang dibekalkan dalam rumah khususnya air bersih sama ada paip dengan meter sendiri, sambungan berkongsi meter, paip awam atau tiada paip air; bekalan elektrik sama ada 24 jam dengan meter sendiri, sambungan dan tumpang meter orang lain, bekalan elektrik swasta/terhad; pemasangan telefon talian tetap sama ada sendiri, berkongsi atau tiada kemudahan. Skor yang diberikan bagi setiap kriteria rumah yang dinilai adalah sama ada 0 hingga 3 atau 0 hingga 5, bergantung kepada jenis dan elemen rumah yang dinilai. Jumlah skor maksimum adalah 31, bermakna rumah dalam keadaan moden,

dilengkapi semua kemudahan dan sempurna. Manakala skor terendah adalah kurang 10, bermakna rumah berkenaan dalam keadaan sangat asas, kurang kemudahan dan berciri tradisional. Melalui pemerhatian dan kaji selidik, jenis dan kriteria rumah kediaman direkodkan. Hasil analisis indeks kualiti rumah kediaman tersebut diringkaskan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Indeks Kualiti Rumah Kediaman

Indeks Kualiti Rumah (Skor)	Peratus Rumah
Melebihi 26 (Sangat tinggi)	3.2
21 – 25 (Tinggi)	38.6
16 – 20 (Sederhana tinggi)	46.4
11 – 15 (Sederhana rendah)	10.8
Kurang daripada 10 (Rendah)	1.0
Jumlah (n = 500)	100.0

Sumber: Diukur dan dianalisis berdasar maklumat kajian luar (2007)

Secara keseluruhannya, lebih 89 peratus rumah kediaman di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat berkualiti tinggi. Rumah yang berkualiti tinggi lazimnya terdiri daripada sama ada rumah jenis banglo atau rumah berkembar, berstruktur kukuh dan dibina menggunakan bahan binaan konkrit, beratap genting, mempunyai lebih tiga bilik tidur, dilengkapi dengan kemudahan bekalan air bersih, tenaga elektrik dan telefon talian tetap, mempunyai tandas pam dan menggunakan dapur campuran gas dan elektrik.

#### PEMILIKAN PERALATAN RUMAH

Kualiti rumah turut dipengaruhi oleh kenderaan dan peralatan rumah tangga yang terdapat di dalamnya. Isi rumah yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi lazimnya juga cenderung memiliki lebih banyak barangan kelengkapan rumahtangga. Secara umumnya, isi rumah di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat memiliki hampir kebanyakan perkakas rumah tangga yang asas. Antara peralatan yang paling lumrah dimiliki oleh isi rumah ialah set televisyen (99.6%), peti sejuk (98.0%), setel (95%), telefon bimbit (95.0%) dan mesin basuh (91.8%). Pemilikan motosikal dan kereta persendirian juga adalah sederhana tinggi (melebihi 70%). Ini menunjukkan bahawa pemilikan peralatan yang asas termasuk kenderaan sekurang-kurangnya motosikal, agak meluas. Manakala langganan internet dan sistem penyiaran ASTRO pula rendah. Umumnya, pelanggan kemudahan tersebut masih lagi dianggap suatu kemewahan. Oleh itu pemilikannya agak terbatas. Bagaimanapun, rendahnya pelanggan internet menunjukkan bahawa wujud jurang digital yang agak lebar antara pelbagai lapisan masyarakat di zon tersebut.

Pada keseluruhannya, dapat diringkaskan di sini bahawa persekitaran rumah kediaman di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat sedang mengalami transformasi yang cukup pesat. Keadaan persekitaran

rumah kediaman kian moden meninggalkan keadaan tradisional yang wujud sebelumnya. Proses rebakan bandar telah memberi tekanan yang cukup berat terhadap petempatan tradisional di zon ini. Ini menunjukkan bahawa zon pinggir ini juga tidak lama lagi dijangka akan terserap ke dalam konurbasi bandar Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat.

#### KESEJAHTERAAN SOSIAL KEJIRANAN

Selain rumah kediaman, satu lagi aspek penting dalam sesebuah kejiranan ialah kesejahteraan isi rumah yang menghuni kejiranan berkenaan. Kesejahteraan sesebuah kejiranan dapat dinilai berdasarkan ketersampaian isi rumah kepada kemudahan asas dan tahap keselamatan kejiranan. Keperluan asas meliputi barang makanan dan keperluan harian yang lain, perkhidmatan kesihatan dan sekolah rendah. Kejiranan yang sejahtera adalah apabila penghuninya mempunyai darjah ketersampaian yang tinggi kepada kemudahan asas iaitu terletak hampir

dengan pusat perkhidmatan yang dapat dikunjungi secara berjalan kaki atau bermotosikal. Dari segi keselamatan, kejiranan yang selamat adalah kejiranan yang aman dan bebas jenayah.

#### KETERSAMPAIAN KEPADA KEMUDAHAN SOSIAL

Ketersampaian kepada kemudahan perkhidmatan sosial seperti pendidikan rendah dan klinik kesihatan adalah salah satu penunjuk yang berguna bagi mengukur tahap kesejahteraan sosial sesebuah kejiranan. Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk menilai ketersampaian kepada kemudahan sosial. Kajian ini menggunakan analisis kunjungan ketua dan isi rumah lain ke pusat perkhidmatan yang menyediakan kemudahan sosial. Kunjungan diukur berdasarkan penggunaan sebenar isi rumah dan jarak perjalanan yang ditempuh bagi tujuan menggunakan kemudahan perkhidmatan terpilih iaitu pendidikan, kesihatan, kedai runcit dan rumah ibadat (Jadual 4).

JADUAL 4. Purata Jarak Penggunaan Perkhidmatan Sosial Terpilih

Perkhidmatan	n	Jarak penggunaan (km) perkhidmatan oleh pengguna (%)					Jumlah
		0.1-1.9	2.0-4.9	5.0-9.9	10.1-14.9	>15.0	
Sekolah rendah	475	53.7	37.9	7.2	1.0	0.2	100.0
Sekolah menengah	219	35.2	35.8	14.8	7.6	6.6	100.0
Klinik awam	480	45.6	39.0	9.6	3.3	2.5	100.0
Hospital awam	498	3.2	14.1	15.7	15.5	51.5	100.0
Kedai runcit	500	76.6	19.0	3.0	0.8	0.6	100.0
Masjid	449	74.3	24.1	1.6	0.0	0.0	100.0

Sumber: Kajian luar (2007)

Pada keseluruhannya, tahap penggunaan kemudahan perkhidmatan asas dalam kalangan isi rumah di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa rata-rata isi rumah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan, kesihatan dan kehidupan beragama. Analisis lebih lanjut menunjukkan kunjungan isi rumah tersebut dalam menggunakan kemudahan perkhidmatan sosial asas.

Aras ketersampaian isi rumah kepada kemudahan komuniti boleh menunjukkan tahap kesejahteraan dan seterusnya kualiti kejiranan kawasan berkenaan. Ketersampaian isi rumah ke sekolah rendah, sekolah menengah, klinik desa, kedai runcit dan masjid adalah tinggi. Majoriti isi rumah (lebih 70%) mengunjungi kemudahan pada jarak kurang daripada 5.0 kilometer. Bagi kemudahan kedai runcit dan masjid, lebih 70.0 peratus isi rumah hanya perlu bergerak kurang daripada 2.0 kilometer untuk mendapatkan kemudahan dan kurang sedikit (masing-masing 53% dan 45%) bagi sekolah rendah dan klinik desa. Keadaan ini menunjukkan bahawa isi rumah di zon pinggir WML ini mempunyai peluang yang tinggi untuk menggunakan kemudahan komuniti yang asas. Peluang dan aras ketersampaian yang tinggi kepada kemudahan komuniti menggalakkan kunjungan

dan seterusnya meningkatkan perlakuan interaksi sosial kejiranan dalam masyarakat berkenaan. Hal ini adalah salah satu bukti yang menunjukkan bahawa kualiti kejiranan di zon pinggir WML Lembah Klang-Langat adalah tinggi.

#### STATUS KESELAMATAN KEJIRANAN

Aspek keselamatan merupakan asas kesejahteraan dan salah satu elemen yang menentukan kualiti sesebuah kejiranan. Masyarakat menjadi tidak selamat sekiranya insiden jenayah berleluasa dan tidak terkawal. Keadaan sedemikian boleh menjejaskan ketenteraman masyarakat dan seterusnya kesejahteraan dan kualiti kejiranan berkenaan (Weed & Seed 1997; Barter 2002). Pada umumnya, kejiranan di kawasan pinggir WML Lembah Klang-Langat boleh dianggap selamat. Lebih 73.0 peratus ketua isi rumah (KIR) berpendapat kejiranan mereka masih selamat untuk dihuni (Jadual 5). Bagaimanapun, dengan bertambahnya gejala sosial seperti ketagihan dadah, pergaulan bebas, pengangguran, kebanjiran pekerja asing di kawasan kediaman mereka, keadaan menjadi agak membimbangkan. Gejala sosial ini sering dikaitkan dengan insiden jenayah seperti kecurian kereta,

JADUAL 5. Pandangan KIR tentang Jenayah yang Paling Kerap Berlaku di Kawasan Kediaman Mereka

Pandangan KIR tentang jenayah yang paling kerap berlaku	%
Pecah rumah & rompakan	49.4
Samun/ugut	14.8
Kecurian	3.4
Mencabul kehormatan/rogol	0.8
Pelbagai jenayah lain	31.6
Jumlah (n = 500)	100.0

Sumber: Kajian luar (2007)

motosikal, basikal, kasut dan harta benda yang lain. Kebimbangan isi rumah di sini lebih banyak dikaitkan dengan jenayah pecah rumah dan rompakan (49.4%) diikuti dengan kegiatan samun dan peras-ugut (14.8%).

Hampir separuh KIR (50%) berpendapat bahawa pecah rumah, rompak dan kecurian adalah insiden jenayah yang paling kerap berlaku di kawasan mereka. Malahan 17.0 peratus KIR mengakui bahawa rumah mereka pernah dimasuki atau cuba dimasuki atau diri mereka pernah menjadi mangsa jenayah tersebut. Jenayah ini paling ditakuti oleh isi rumah di kawasan tersebut kerana mereka bimbang sekiranya insiden sedemikian menimpa mereka. Tiada jaminan perlindungan atau kawalan keselamatan yang boleh melindungi mereka. Berita mengenai pembunuhan dan kecederaan akibat rompakan sering dilaporkan oleh media massa. Keadaan ini menunjukkan bahawa keselamatan kawasan kediaman mereka agak berisiko. Mereka menghadapi risiko jenayah yang agak tinggi hingga boleh menyebabkan kehidupan terganggu dan tidak selesa, risau dan membimbangkan. Bagi sesetengah KIR yang pernah menjadi mangsa, perasaan *phobia* sering timbul terutamanya pada waktu malam apabila terpaksa tinggal seorang diri di rumah atau apabila berjalan, malah ketika memandu kereta melalui kawasan yang sunyi. Bagi KIR yang lain, insiden jenayah seperti yang sering dilaporkan media, menimbulkan ketegangan dan tekanan mental kepada mereka.

Jenayah pecah rumah dan rompakan bersenjata menjadi punca ketakutan kebanyakan isi rumah di kawasan pinggir WML. Ini kerana insiden pecah rumah dan rompakan lazimnya melibatkan beberapa penjenayah bersenjatakan pisau dan parang. Mereka menggunakan senjata yang terdapat dalam rumah mangsa sendiri. Mereka berupaya memasuki rumah kediaman melalui pintu belakang, tingkap, pintu sisi malah bumbung rumah. Lazimnya penjenayah menyelongkar semua bilik dan mengugut penghuni rumah untuk mendapatkan wang dan barangan berharga lainnya. Jenayah pecah rumah sering juga menyebabkan kecederaan jika tidak kematian mangsa, rogol, kekasaran fizikal khususnya tangan penghuni rumah diikat atau penghuni rumah dcederakan jika penjenayah tidak mendapat wang atau barangan berharga yang dimahukan. Insiden seperti ini bukan lagi cerita yang tidak berasas tetapi benar-

benar serta kerap berlaku di kawasan pinggir WML tersebut. *Modes operandi* yang sering digunakan adalah penjenayah memecah bilik tidur dengan menggunakan tong gas semasa isi rumah sedang tidur dan anak dijadikan tebusan. Hal ini cukup menakutkan isi rumah. Ramai KIR yang terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan keselamatan diri dan rumah mereka dengan mengambil pelbagai langkah keselamatan seperti memasang lampu di sekeliling rumah pada waktu malam, mengadakan sistem giliran berjaga malam dan menggiatkan usaha kawalan kawasan kediaman melalui organisasi rukun tetangga. Langkah yang lain termasuklah memasang palang besi pada pintu dan tingkap, melengkapi rumah dengan sistem penggera, mengupah pengawal untuk berjaga khususnya pada waktu malam. Fenomena ini agak menjejaskan kualiti kesejahteraan kejiiran di wilayah tersebut.

## KESIMPULAN

Pembangunan dan pertumbuhan penduduk bandar yang pesat di wilayah metropolitan Lembah Klang-Langat menggalakkan berlakunya proses rebakan bandar melampaui sempadan pentadbirannya. Banyak petempatan luar bandar di zon pinggir wilayah metropolitan tersebut bertukar menjadi taman perumahan dan pusat komersial selain kawasan perindustrian sehingga membentuk suatu konurbasi perbandaran. Banyak pusat petempatan berkembang menjadi bandar kecil. Konurbasi ini seterusnya mempengaruhi petempatan dan kejiiran desa-bandar yang terletak di zon luar WML tersebut. Kajian ini mendapati bahawa kualiti petempatan dan kejiiran desa-bandar khususnya yang terletak di daerah Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor adalah sederhana tinggi. Keadaan perumahan dan penyediaan kemudahan sosial umumnya baik, namun tahap keselamatan kejiiran tersebut, pada pandangan isi rumah, adalah kurang baik. Kejiiran di zon pinggir WML ini sedang mengalami transformasi yang cukup pesat khususnya dari segi persekitaran fizikal kualiti rumah kediaman dan penyediaan kemudahan asas. Bagaimanapun, di sebalik perubahan tersebut, keadaan sosial khususnya dari segi keselamatan didapati kurang memuaskan. Ancaman keselamatan akibat meningkatnya insiden jenayah, khususnya jenayah pecah rumah dan rompakan di kawasan kediaman telah menimbulkan keresahan dan menjejaskan tahap kesejahteraan serta kualiti kejiiran di kawasan tersebut. Transformasi yang pesat di kawasan pinggir WML boleh dianggap sebagai peringatan kepada pihak berkuasa tentang perlunya persediaan yang rapi untuk menangani perubahan di kawasan berkenaan. Proses rebakan bandar tersebut perlu dirancang dengan cara sebaiknya. Mengambil kira pola perubahan ekonomi, guna tanah, ciri rumah kediaman dan persekitaran fizikalnya, juga keadaan keselamatan, suatu garis panduan perancangan sangat diperlukan.

## PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian UKM SK-04 FRGS0005 2006 bertajuk *Impak Perkembangan Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat terhadap Penduduk dan Petempatan di Kawasan Pinggirannya*. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan UKM kerana membiayai kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Salleh. 2008. Neighbourhood factors in private low-cost housing in Malaysia. *Habitat International* 32(4): 485-493.
- Answer.com. Geography Dictionary: Neighbourhood Unit. <http://www.answers.com/topic/neighbourhood-unit>: Diakses 23 Oktober.2008
- U.S. Census Bureau. 2005. Current Housing Report Series H150/05. *American Housing Survey for the United States*. <http://www.census.gov/hhes/www/housing/ahs/nationaldata.html>. Diakses 10 Nov. 2008.
- Barter, P. 2002. Transport and housing security in the Klang Valley, Malaysia. *Journal of Tropical Geography* 23(3): 268-287.
- Barnes K.B., Morgan III J. M., Roberge M C. & Lowe S, 2001. *Sprawl development: Its patterns, consequences, and measurement*. Towson University. ([http://chesapeake.towson.edu/landscape/urbansprawl/download/Sprawl white\\_paper.pdf](http://chesapeake.towson.edu/landscape/urbansprawl/download/Sprawl%20white%20paper.pdf). Diakses 8 Nov. 2008).
- Bunnell, T., Barter, P.A. & Morshidi, S. 2002. City Profile: Kuala Lumpur metropolitan areas. *Cities* 319(5): 357-370.
- Duncan, M., Simon, D. & Thompson, D. 2006. *Peri-Urban Interface: Approaches to Sustainable Natural and Human Resource Use*. London: Earthscan.
- Huang, Shu-Li, Szu-Hua Wang & William W. Budd. 2009. Sprawl in Taipei's peri-urban zone: responses to spatial planning and implications for adapting global environmental change. *Landscape and Urban Planning* 90: 20-32.
- Jones, G.W., Chiang-Lung Tsay & Bhishna Bajracharya. 2000. Demographic and employment change in the mega cities of Southeast and East Asia. *Third World Planning Review* 22(1): 1-28.
- Karanja, F. & Lohmann, P. 2002. Using developable land units as an indicator of rate of growth of an urban area, *Paper presented at the annual conference of the Association of American Geographers, in New York*, <http://www.geocities.com/draco93/Home.html>.
- Katiman Rostam. 2005. Migrasi ke kawasan pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang. *Akademika* 68(Januari): 3-27.
- Katiman Rostam. 2006. Pembangunan dan perkembangan wilayah metropolitan lanjutan Lembah Klang-Langat, Malaysia. *Jurnal e-Bangi* 1(1): 1-27. 01, <http://pkukmweb.ukm.my/~e-bangi>.
- Lee Boon Thong. 1996. Emerging urban trends and the globalizing economy in Malaysia. In *Emerging world cities in Pacific Asia*, disunting oleh Fu-Chen Lo & Yue-Man Yeung. Tokyo: United Nation University Press.
- Lopez, Erna, Gerardo Bocco, Manuel Mendoza, Emilio Duhau. 2001. Predicting land-cover and land-use change in the urban fringe: A case in Morelia city, Mexico. *Landscape and Urban Planning* 55(4): 271-285.
- Malaysia 2004. Migrasi dan Taburan Penduduk, Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- McGee, T.G. 1991. The emergence of desa kota regions in Asia: expanding a hypothesis. Dlm *the Extended Metropolis: Settlement Transition in Asia*, disunting oleh N. Ginsburg, B. Koppel & T.G. McGee. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Mitchell, J.G. 2001. Urban sprawl: The American dream? *National Geographic* 200(1): 48-73.
- Moore, L.V. & Diez Roux, A.V. 2005. Associations of neighborhood characteristics with the location and type of food stores. *American Journal of Public Health* 96(2): 1-7.
- Moore, S. 2008. Neighbourhood policing and punitive community. *Crime Prevention and Community Safety* 10: 190-202.
- Pacione, M. 2001. *Urban Geography: A Global Perspective*. London and New York: Routledge.
- Urban Ecology Institute. 2008. The Natural Cities. ([http://www.urbaneco.org/SC\\_Overview.asp#Neighborhood%20Sustainability](http://www.urbaneco.org/SC_Overview.asp#Neighborhood%20Sustainability)). Diakses 8 Nov. 2008.
- Pendall, R. 1999. Do land-use controls cause sprawl? *Environment and Planning B* 26: 555-571.
- Rozana Zakaria. 2007. Sustainable housing for residential – industrial neighbourhoods in Malaysia: a study on the element of indoor environmental quality improvements. Ph D. thesis (tidak diterbitkan). Queensland: Queensland University of Technology.
- Shakey, J.R., Harel, S., Han, D. & Huber, J.C. Jr. 2009. Association between neighbourhood need and spatial access to food stores and fast food restaurants in neighbourhood of Colonies. *International Journal of Health Geographics* 8(9). <http://www.j-healthgeographics.com/content/8/1/9>.
- Varuna de Silva. 2002. Creating quality neighbourhoods in low cost public housing in Sri Lanka: a case study Dummit Flats, Colombo.
- Warr, D.J. 2005. Social network in a 'discredited' neighborhood. *Journal of Sociology* 41(3): 285-308. (<http://www.sefileadminhdaluminiaperhd2002hd2002-20pdf>).
- Weed & Seed. 1997. *Citizen Action for Neighborhood Safety: Community Strategies for Improving the Quality of Life*. Prepared by Institute for Law and Justice & Center for the Community Interest Alexandria, Virginia Washington, DC. (<http://www.ojp.usdoj.gov/ccdo/pub/pdf/qolmas.pdf>).
- Katiman Rostam, Ph.D  
Er Ah Choy, Ph.D  
Zaini Sakawi, M.A  
Aishah@Esah Hj. Mohammad, Ph.D  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM, Bangi  
Selangor  
katman@ukm.my.